



LAPORAN LIPUTAN MEDIA
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

TARIKH : 23 JUN 2025 | 26 ZULHIJJAH 1446 H
HARI : ISNIN

BIL.	AGENSI MEDIA	TAJUK
1.	Harian Metro	42 penyu mati dalam 5 bulan

Ringkasan Eksekutif

Pada **23 JUN 2025**, sebanyak **1** liputan media berkaitan Jabatan Perikanan Malaysia telah diterbitkan. Daripada jumlah tersebut, **0** liputan bersifat positif, **0** bersifat neutral, dan **1** liputan negatif direkodkan.

Disediakan oleh :

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Perikanan Malaysia

1.	Tajuk	42 penyu mati dalam 5 bulan
	Akhbar/Media	Harian Metro
	Muka surat/capaian	7
	Kategori Liputan	Negatif

42 penyu **mati** dalam 5 bulan

Kebanyakan bangkai dijumpai terdampar di pantai atau diikat guna batu dipercayai dibunuh

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Kuala Berang

Dalam lima bulan ini, 42 penyu direkodkan mati oleh Jabatan Perikanan Terengganu, kata Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Datuk Dr Azman Ibrahim.

Menurutnya, kebanyakan penyu yang mati ini dijumpai terdampar di pantai, dengan kesan kecederaan dan ada yang diikat menggunakan batu dipercayai dibunuh.

"Sebab itu penyu yang dijumpai itu kadang-kadang ada kesan tali, jadi kalau kita boleh simpulkan, ia adalah hasil daripada perbuatan tangan-tangan manusia.

"Punca lain macam termasuk makan plastik, makan penyedut minuman, macam yang biasa kita dengar itu tidak begitu ketara sangat.

"Ia lebih kepada tangan-tangan manusia dan kita pun hendak melakukan tangkapan pun agak sukar," katanya pada sidang media pada Program Pelepasan Benih Ikan, Penyerahan Bantuan Peralatan dan Inisiatif Input Akuakultur serta Pelancaran Kajian Penandaan Peralatan Menangkap Ikan Darat di Sungai Terengganu dekat Kampung Temir, di sini, semalam.

Menurutnya, Jabatan Perikanan kerap mengadakan operasi termasuk operasi pukat pari di pangkalan nelayan dengan tumpuan di beberapa daerah yang tinggi kematian penyu seperti di Kemaman dan Dungun.

Katanya, mereka yang ditangkap melakukan perbuatan demikian boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Perikanan 1985 selain, kerajaan juga menguatkuasakan Enakmen Pemuliharaan Penyu 1991 pindaan 2021.

"Matlamat kita mencegah, kalau sebelum an 2021, hukuman ringan namun sekarang kita menakkkan kadada dan sebagainya, diharapkan hukuman m satu pencegahan ke merosakkan marin rengganu," katanya.



RINGKASAN :

Dalam 5 bulan ini, 42 ekor penyu direkodkan mati oleh DOF Terengganu. Kebanyakan penyu yang mati ini dijumpai terdampar di pantai dengan kesan kecederaan dan ada yang diikat menggunakan batu dipercayai dibunuh,